

SIARAN SEGERA**SWM ENVIRONMENT SUMBANG SARUNG TANGAN SERTA PENUTUP MULUT DAN HIDUNG KEPADA 9 KONTRAKTOR DI MELAKA**

MELAKA, 6 MEI 2020 – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) menyumbangkan kelengkapan perlindungan diri (PPE) seperti sarung tangan serta penutup mulut dan hidung kepada sembilan (9) kontraktor di Melaka yang dilantik oleh pihak syarikat bagi menjalankan kerja-kerja kutipan sisa pepejal.

“Bekalan tersebut diberikan kepada pihak kontraktor di negeri ini bagi kegunaan sejumlah 127 pekerja kutipan sisa pepejal di lapangan sebagai langkah keselamatan dan pencegahan daripada jangkitan wabak COVID-19,” kata Ketua Pegawai Eksekutif SWM Environment, Ho De Leong.

Pihak syarikat memandang serius situasi wabak COVID-19 ini dengan mengambil pendekatan tersebut sebagai melengkapi usaha SWM Environment dalam mengurangkan risiko para anggota SWM Environment serta kontraktornya yang berada di barisan hadapan di lapangan dalam melaksanakan kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri-negeri di dalam seliaannya.

Melalui pemberian bekalan kelengkapan keselamatan diri tersebut pihak syarikat berharap barisan pekerja di lapangan dapat menitikberatkan isu keselamatan dengan menggunakan alat-alat kelengkapan perlindungan diri yang dibekalkan kepada mereka serta senantiasa menjaga kebersihan diri dengan mengamalkan langkah-langkah yang disarankan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bagi melindungi diri daripada jangkitan wabak COVID-19.

Beliau juga meminta orang ramai untuk turut memberikan kerjasama menjaga kebersihan dengan melupuskan sisa secara betul serta berhemah dengan memasukkan sampah ke dalam beg plastik sampah, diikat kemas dan dimasukkan ke dalam tong sampah yang disediakan.

Diharapkan kerjasama baik daripada pelbagai pihak dalam mematuhi saranan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dapat memutuskan rantai penyebaran wabak COVID-19 daripada berlanjutan untuk jangka masa yang panjang.

-TAMAT-



FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAR3CYCLE, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAR3CYCLE menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan terima mata ganjaran untuk lebih daripada 30 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian atau jaringan dompet elektronik (*e-wallet*) Boost untuk berbelanja dengan pedagang yang tersedia di bawah sistem pembayaran secara elektronik (*e-payment*). Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAR3CYCLE melalui *Google Play* atau *Apple Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.